

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Laksanakan tugas kritikal	Utusan Malaysia
2.	Qiagen mantapkan teknologi di Malaysia	Utusan Malaysia
3.	Kerajaan rancang selaras harga vape	Utusan Malaysia
4.	Selaras harga vape	Harian Metro
5.	Verdict on vaping today	New Straits Times
6.	Ujian DNA pada tulang, gigi	KOSMO
7.	'I do not believe he is a killer'	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 9 NOVEMBER 2015 (ISNIN)



UAV-RS inovasi Agensi Remote Sensing Malaysia mampu pelbagai tugasan dalam jarak yang jauh.

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**
ashriq.ahmad@hotmail.com

Laksanakan tugas kritikal

Agensi Remote Sensing hasilkan UAV-RS bantu tugas pemantauan

PENGUNAAN pesawat udara tanpa pemandu (UAV) kini dilihat semakin relevan dalam pelbagai bidang.

Pada peringkat awal UAV dihasilkan, kenderaan tersebut terhad kepada bidang ketenteraan, tetapi kini kegunaannya turut diperluas dalam sistem pemantauan bencana.

Antara yang membangunkan UAV untuk tujuan tersebut adalah Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Kenderaan tersebut dibina bagi mempertingkatkan kecekapan ARSM bagi memperoleh maklumat permukaan bumi.

Segala data tersebut akan digunakan bagi keperluan pemantauan bencana, pengurusan sumber asli, pembukaan tanah serta berperanan penting dalam memberi informasi bagi memelihara kedaulatan negara dan kegunaan awam.

Menurut menterinya, Datuk Madius Tangau, ARSM telah bekerjasama dengan Universiti Multimedia (MMU) dan UST Sdn. Bhd. (UST) melalui dana Technofund MOSTI.

"Sistem UAV yang dihasilkan oleh ARSM telah diperakui dan mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

"Selain itu, ciptaan ini turut diiktiraf Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Directorate General Technical Airworthiness (DGTA) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)," katanya ketika ditemui di ibu negara baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian, Datuk Dr. Azahar Yahya dan Ketua Pengarah ARSM, Azlikamil Napih.

Jelasnya, dikenali sebagai Pesawat Udara Tanpa Pemandu-Remote Sensing (UAV-RS), kenderaan tersebut dilengkapi pelbagai sistem yang merangkumi komponen pesawat UAV, sistem kamera penderian jauh (remote sensing) dan stesen kawalan bumi mudah alih.

Berperanan sebagai pelengkap kepada penggunaan satelit sedia ada, UAV-RS berupaya mengumpul maklumat permukaan bumi dalam lingkungan 100 kilometer (km) persegi dari pusat kawalannya.

Dalam pada itu, maklumat segera yang diperoleh menerusi operasi UAV-RS berupaya digabungkan bersama maklumat dalam pangkalan data bersepadu sedia ada di ARSM.

Data rupa bentuk permukaan bumi secara *in-situ* yang diceraip oleh UAV-RS akan digunakan sebagai sebahagian dan tambahan kepada data satelit penderiaan jauh.



MADIUS Tangau (tengah) bersama Dr. Mohd. Azhar Yahya (kiri) dan Azlikamil Napih melihat pesawat UAV-RS di ruang legar bangunan ARSM di ibu negara baru-baru ini.

Madius berkata, pihaknya akan mengguna pakai sistem pesawat udara tanpa pemandu yang dibina itu untuk memantau keadaan banjir di negara ini.

Sistem UAV-RS akan digunakan bagi mendapatkan data tambahan dan menyalurkan maklumat tersebut kepada pihak berkuasa apabila berhadapan dengan bencana banjir.

"Kami masih menggunakan satelit sedia ada untuk mendapatkan imej tanah, tetapi untuk data yang lebih terperinci sistem UAV-RS akan guna pakai kerana ia memberikan imej tiga dimensi (3D).

"Malah, dengan penggunaan UAV-RS, kita mampu memperoleh data dalam waktu sebenar dan semua maklumat ini akan disalurkan kepada pihak berkuasa," ujarnya.

Segala maklumat data UAV-RS juga digunakan bagi memenuhi keperluan segera dalam bidang keselamatan dan pertahanan nasional, bencana,

perhutanan dan pemantauan pembukaan tanah di samping kegunaan awam yang lain.

Terdapat dua unit UAV-RS dibangunkan sejak tahun 2008 oleh ARSM iaitu UAV-RS 1 dan UAV-RS 2. UAV-RS 1 merupakan prototaip kepada UAV-RS sebenar dan siap sepenuhnya pada tahun 2010 dengan penyelidikan melibatkan dana sebanyak RM960,000 menerusi geran Technofund MOSTI.

Prototaip tersebut dilengkapi bersama sistem penerima radar dan berjaya mendapat lima IP (harta intelek) iaitu empat reka bentuk industri dan satu paten.

Bagi UAV-RS 2 pula, ia merupakan penambahbaikan daripada UAV-RS 1 dan siap dibangunkan pada akhir 2013 menggunakan geran Technofund MOSTI berikutnya iaitu sebanyak RM3 juta.

UAV-RS 2 dilengkapi sistem penerima radar yang dipertingkatkan keupayaan

SPESIFIKASI UAV-RS

- Berat maksimum - 185 kilogram (kg).
- Ketinggian terbang maksimum - Tiga kilometer (km).
- Tempoh penerbangan maksimum - Empat jam.
- Jenis bahan api yang digunakan - RON 95.
- Penghantaran data secara *real time* (waktu sebenar).
- Berupaya berlepas dan mendarat secara automatik.
- Berdaftar sebagai *state aircraft* (pesawat milik kerajaan) dengan DGTA dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

dan sistem penerima optikal serta mampu terbang sehingga jarak 100km daripada pusat kawalan berbanding model sebelum itu hanya 50km.

Pesawat tersebut juga dilengkapi keupayaan untuk berlepas dan mendarat secara automatik.

Terkini, UAV-RS 2 atau UAV-RS dalam proses mendapatkan pengiktirafan harta intelek dalam reka bentuk industri bagi *Above Ground Level Laser Altimeter Fairing for Unmanned Ariel Vehicle*.

Sehingga kini, UAV-RS telah beroperasi selama 180 jam empat minit dalam penerbangannya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 9 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

Qiagen mantapkan teknologi di Malaysia

DIKENALI sebagai Qiagen Biotechnology Malaysia Sdn. Bhd., kehadiran syarikat tersebut di Malaysia membuka satu lagi peluang untuk negara menerima teknologi terkini di dalam industri perubatan.

Menawarkan pelbagai teknologi berkaitan industri farmaseutikal, Qiagen turut memiliki kelebihan di bidang keselamatan makanan dan aplikasi ujian makanan.

Menurut Naib Presiden Qiagen Asia Pasifik, Ian Martin, pembukaan pejabat baharu tersebut merupakan satu petunjuk bahawa syarikat tersebut sedang berkembang pesat.

"Jenama Qiagen telah berkembang dengan baik sejak 2006 di negara ini justeru menerusi pembukaan pejabat di sini ini membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada doktor, hospital dan makmal diagnostik.

"Antara pihak lain yang turut

mendapatkan perkhidmatan kami adalah seperti pengkaji universiti, industri farmasi dan biotek yang sedang berkembang serta makmal-makmal lain," katanya dalam majlis pembukaan pejabat baharu di ibu negara baru-baru ini.

Yang turut hadir merasmikan pembukaan pejabat baharu tersebut adalah Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah serta duta Jerman ke Malaysia, H.E Michael Holger.

Jelas Martin lagi, pihaknya memiliki pelbagai inisiatif dalam membangunkan teknologi mereka antaranya adalah dengan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk ujian pesakit kanser servik.

"Antara lain adalah kerjasama dengan agensi yang bertanggungjawab melindungi orang ramai daripada penyakit tibi serta menyokong ujian makanan bagi industri halal," katanya.

Misi Qiagen adalah untuk memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat di Malaysia serta amat menghargai ruang serta pasaran di negara ini.

Antara bidang yang mendapat perhatian utama di Malaysia adalah solusi Dianogsis Molekul.

Pun begitu, Qiagen turut menyediakan solusi untuk penyakit berjangkit seperti Hepatitis B dan C, HIV serta memiliki kelebihan ujian *transplant*.

Qiagen mula menjejakkan kaki ke negara ini menerusi syarikat Research Biolab Malaysia Sdn. Bhd.



**ABU BAKAR
MOHAMAD DIAH**

dan telah bertukar kepada Qiagen Biotechnology Malaysia Sdn. Bhd. pada tahun 2013.

Dalam pada itu, Abu Bakar berkata, kehadiran Qiagen di negara ini memberi peluang kepada Malaysia untuk mendapatkan kepakaran serta bertukar-tukar teknologi dari negara maju tersebut.

"Pembukaan pejabat Qiagen baharu ini memperlihatkan keyakinan usahawan Jerman bahawa Malaysia juga sesuai untuk membuka peluang perniagaan.

"Keadaan ini juga menunjukkan persekitaran pasaran dan perniagaan di dalam negara adalah amat memberangsangkan," katanya.

Ujar Abu Bakar lagi, kehadiran syarikat tersebut juga adalah amat berpadanan dengan usaha kerajaan yang sedang bertungkus-lumus mengejar status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

KPDNKK kini berbincang dengan Kementerian Kesihatan

Kerajaan rancang selaras harga vape

Oleh MOHD. FIRDAUS ISMAIL
utusanpenang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 8 NOV.

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) kini di peringkat perbincangan dengan beberapa pihak berkepentingan bagi melaksanakan penyelarasan harga jualan rokok elektronik termasuk vape.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, ketika ini KPDNKK telah memulakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan serta beberapa agensi lain bagi menentukan garis panduan yang sesuai.

Katanya, perbincangan berkenaan meliputi pelbagai aspek termasuk penglibatan SIRIM Berhad bagi menentukan tahap keselamatan alatan berkenaan dan tidak membahayakan pengguna.

"Terdapat insiden vape yang terbakar dalam pesawat baru-baru ini dan sebab itu kita perlu penglibatan agensi seperti SIRIM, manakala bagi aspek lain termasuk kesihatan, KPDNKK akan bekerjasama dengan KKM."

"Semua faktor ini perlu diam-bil kira sebelum penyelarasan harga diperkenalkan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan harga barang

sempena Deepavali di Pasar Bayan Baru dan Little India, di sini hari ini.


Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hamzah Zainudin berkata, Malaysia memerlukan piawaian khas berkenaan standard khusus untuk vape supaya peraturan penggunaan dapat dikuatkuasakan.

Ahmad Bashah berkata, sekiranya penggunaan vape dilarang kerajaan, beliau bimbang ia tetap akan dijual di pasaran gelap dan atas faktor berkenaan, kerajaan sedang berusaha untuk memperkenalkan langkah tertentu supaya semua pihak berpuas hati.

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata, anggota penguatkuasaan KPDNKK telah melakukan 12,117 pemeriksaan di seluruh negara terhadap 18 barang kawalan sempena Deepavali dan setakat ini tiada kes peniaga menjual barangan keperluan melebihi harga siling.

"KPDNKK berharap ia akan kekal sehingga skim kawalan harga ini tamat pada 14 November depan," katanya.

Antara barangan yang dikawal harga termasuklah ayam bersih, telur ayam, daging kambing tempatan bertulang dan daging kambing biri-biri import tanpa tulang (tidak termasuk paha).



Terdapat insiden vape yang terbakar dalam pesawat baru-baru ini dan sebab itu kita perlu penglibatan agensi seperti SIRIM, manakala bagi aspek lain termasuk kesihatan, KPDNKK akan bekerjasama dengan KKM."

AHMAD BASHAH MD. HANIPAH
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Selaras harga vape

■ Pihak berkaitan bincang piawaian khas standard e-rokok

Oleh Mohd Hilmi Mahmud
am@hmetro.com.my
Georgetown

Jika peraturan penggunaannya dipersetujui, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bakal melaksanakan penyeselarasan harga bagi mengawal harga rokok elektronik atau vape di pasaran.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah berkata, ketika ini KPDNKK bersama Kementerian Kesihatan serta beberapa agensi terbabit sedang mengadakan siri perbincangan bagi menentukan piawaian khas berkenaan standard khusus untuk vape.

“Sekiranya larang, vape mungkin akan dijual di pasaran gelap dan kerana itu kerajaan perlu lakukan sesuatu supaya semua pihak berpuas hati.

“Namun, masih terlalu awal untuk kita tentukan penggunaan vape dan perbincangan sedang dilakukan bersama beberapa pihak seperti Kementerian Kesihatan dan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) bagi menentukan tahap keselamatannya,” katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan sempena



AHMAD Bashah ketika lawatan skim kawalan harga musim perayaan Deepavali.

“**Sekiranya larang, vape mungkin dijual di pasaran gelap**”

Bashah

skim kawalan harga Deepavali di sini, semalam.

Khamis lalu, Menteri KPDNKK Datuk Hamzah Zainudin berkata, negara memerlukan piawaian khas berkenaan standard khusus untuk peranti vape supaya peraturan penggunaannya dapat diperkenal.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Bashah berkata,

KPDNKK sudah mengadakan 12,117 pemeriksaan premis di seluruh negara, terhadap 18 barangan kawalan.

Beliau berkata, daripada jumlah pemeriksaan itu, tiada kes membabitkan kenaikan harga daripada peniaga yang mengambil kesempatan sempena perayaan Deepavali.

“Sejak operasi bermula sehingga hari ini (semalam) tiada kompaun dan denda dikeluarkan kepada peniaga. Kita amat berpuas hati dengan peniaga yang mengikut peraturan.

“Setakat ini kita tidak menerima sebarang kes atau

aduan daripada pengguna. Kita harap ia akan kekal sehingga skim kawalan harga ini tamat pada 14 November depan,” katanya.

Terdahulu, beliau melawat pasar awam di Bayan Baru bersama pegawai dan penguat kuasa KPDNKK negeri bagi memantau harga bahan mentah yang dijual di pasar berkenaan.

Menurut Ahmad Bashah, bahan mentah dan barang keperluan bagi musim perayaan Deepavali tahun ini mencukupi berikutan persiapan awal dilakukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum ini.

Verdict on vaping today

MEETING: Health Ministry looks into measures to address issue

ALIZA SHAH
AND PREDEEP NAMBIAR
PETALING JAYA
news@nst.com.my

THE special task force under the Health Ministry, formed to discuss issues surrounding electronic cigarettes, will come out with a final verdict on the matter today.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, who chairs the task force, said the final internal meeting would look into measures to address the issue of e-cigarettes.

"We need to look into this in detail. We will have a meeting tomorrow (today)... then only can we decide. The meeting is among ourselves first... after that we will engage the stakeholders," he said at the launch of the Mega gotong-royong programme in Kampung Sungai Kayu Ara here yesterday.

Among the issues that would be discussed, said Dr Noor Hisham, would be the Poisons Act 1952 (Revised 1989) and the legal action taken against the ministry by proprietors of shops selling e-cigarette liquids containing nicotine and whose premises were raided recently.

Refuting claims that the ministry raids were due to pressure from tobacco companies, he said the ministry was upholding its responsibility to protect the public.

"The act is on our side... our responsibility is to carry out (enforcement of) the act so if you want to sue us, by all means. You have the right.

"(But) if we do not carry out (en-



The Health Ministry's task force will investigate whether harmful ingredients are used in e-cigarette liquids.
Pic by Alizzuddin Saad

forcement of) the act, that means we are not responsible.

"We are (only) interested in protecting the public... that is why there is the Poisons Act," he said.

Dr Noor Hisham added that the ministry would also discuss the ingredients used in e-cigarette liquids.

"We would look into whether they (those who brew the liquids) have been using harmful ingredients.

"Our issue is not the vaping (smoking e-cigarettes) but the poison... the ingredients.

"Our concern is the safety of the public. If it is not us, then who (will look after the health of the public)?"

On the offer of cooperation extended by Malaysian E-Vaporisers

and Alternative Tobacco Association, Dr Noor Hisham said the ministry would have to sort things out first during the meeting.

"We will look into the issue first, then we will see how much cooperation they can give us.

"Let us have the meeting first to sort things out," he said.

Asked to comment on licensed pharmacists and pharmacies selling e-cigarettes, Dr Noor Hisham said it was against medical ethics for them to sell cigarettes, electronic or otherwise.

In George Town, Penang, Deputy Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Minister Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah said

the task force might also discuss regulating the price of e-cigarette devices.

"This is a new phenomenon. We must hear from parties such as Sirim, and other agencies on the viability of the product in the long run.

"If other agencies give a collective nod, then we will perhaps set a price control on these devices," he said after a walkabout in Little India here yesterday.

The price of an e-cigarette device ranges from RM200 to RM500, with most of them coming from China and the United States.

Prices of vape juice are priced from RM40 to RM100, depending on brand, flavour and nicotine levels.



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah



Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah

Perlu tempoh sehingga sebulan bagi mengetahui sama ada ia milik mangsa bunuh

Ujian DNA pada tulang, gigi

Oleh SAHLIZAH
MOHAMED

TAPAH - Sampel serpihan tulang dan gigi dipercayai milik empat mangsa yang ditemui polis dalam kejadian pembunuhan kejam oleh empat sekeluarga di Batu 1, Jalan Pahang di sini telah dihantar ke Jabatan Kimia, Petaling Jaya pada Jumaat lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Senior Asisten Komisioner Goh Kok Liang berkata, keputusan sampel berkenaan dijangka selesai dalam masa dua minggu atau sebulan.

"Lazimnya keputusan akan diketahui dalam tempoh dua minggu ke sebulan dan kita harap ia akan dapat



Polis jumpa gigi, serpihan tulang dipercayai milik mangsa.



KOK LIANG

dilengkapkan dalam kadar segera," katanya ketika dihubungi semalam.

Difahamkan keluarga keempat-empat mangsa sudah pun memberi sampel darah masing-masing untuk ujian doeoksisiribonukleik (DNA) di Hospital Tapah pada Isnin lalu.

Menurut Kok Liang, setakat ini, jumlah mangsa masih kekal sama iaitu seramai empat orang dan tiada perkembangan terkini mengenai sebarang penemuan baharu.

Beliau pada masa yang sama turut memberitahu, perintah reman kali kedua

selama tujuh hari ke atas keempat-empat suspek kini mungkin dilanjutkan sebaik ia tamat pada Khamis ini.

Keempat-empat suspek kini direman selama tujuh hari bermula Jumaat lalu bagi kes mangsa kedua iaitu Ng Chor Kee, 54.

Chor Kee merupakan seorang jurujual alat ganti kenderaan yang hilang sejak 15 Jun 2014.

Sementara itu, tinjauan *Kosmo!* di lokasi kejadian mendapati rumah suspek didatangi sebuah kereta Proton Wira yang membawa anak perempuan suspek berusia 23 tahun kira-kira pukul 2.30 petang bagi tujuan memberi makanan kepada anjing peliharaannya.

Anak suspek hadir dengan menutup muka ala Zorro bagi mengelakkan wajahnya daripada



CHOR KEE



ANAK perempuan suspek pembunuhan kejam menutup muka ala Zorro ketika hadir memberi makan anjing peliharaan keluarganya di bengkel membaiki bas di Jalan Pahang, Tapah semalam.

dirakam jurugambar.

Terdahulu, *Kosmo!* pada 3 November lalu melaporkan empat sekeluarga yang terdiri daripada pemilik bengkel berusia 57 tahun, isterinya berusia 54

tahun dan dua anak lelaki pasangan itu berusia 17 dan 20 tahun direman sejak 26 Oktober lalu.

Kesemua mereka ditahan bagi membantu siasatan pembunuhan kejam

seorang pekebun yang juga ejen hartanah berusia 46 tahun dan seorang wanita bekerja sebagai pengusaha bas selepas dilaporkan hilang pada 25 Ogos lalu.

'I do not believe he is a killer'

Mechanic shocked that his ex-boss may be behind Tapah murders

By AMANDA YEAP
amandayeap@thestar.com.my

TAPAH: A former employee of the main suspect in the grisly murders of four people here does not believe that his ex-boss was capable of such a heinous crime.

Mechanic Xavier Thomas, 36, said the suspect had been very nice to him during his two-year employment at the 57-year-old suspect's workshop in Kampar in 1998.

Then fresh out of school at the age of 18, Xavier said he came back to his home in Kampar after his job hunt in Kuala Lumpur ended in vain, and that was when he met the suspect and was hired.

"Most of the vehicle repairing techniques that I know now, I learned from him. He used to treat me to lunch sometimes, and even sent me home to my house in Kampung Banir.

"That is why I was shocked when I learned of his arrest. I don't believe that he could murder someone, let alone four people," he said when met at his workshop located on the same road as the suspect's house-cum-workshop in Jalan Pahang here yesterday.

Xavier said he quit after two years because the suspect was more



Honest profession:
Xavier repairing a car at his workshop in Jalan Pahang, Tapah.

focused on repairing buses and lorries, whereas he wanted to repair cars.

"I wanted to be my own boss as well. That's when I slowly worked my way into starting my own business," he said, adding that it was pure coincidence that his ex-boss later moved from Kampar and opened his workshop along the same road.

Xavier said he also used to see the man passing by his workshop while walking his 11-year-old daughter to school and back home.

"We always greeted each other whenever we happened to see each other," he said, adding that this act of a caring father made it even harder for him to believe that his former employer could be guilty.

He said the last time he met the

suspect was about a week before the man and his family were arrested on Oct 26.

"I sent a customer over to his workshop because he wanted to have his lorry repaired," he said.

Asked if he had noticed plumes of smoke coming from the workshop as the suspect was believed to have burned his victims' remains, Xavier said he had but it was hard to pin-

point the source of the smoke from his location.

"There are many workshops down the road, and the sight of smoke is not uncommon.

"They could be burning unwanted car parts like seats and tyres, so the burning did not seem suspicious at all," he said.

Perak CID chief Senior Asst Comm Goh Kok Liang said investigations into the multiple murders were expected to be wrapped up before Thursday - the day of the extended remand order on the suspect and his family ends.

"DNA samples from the bone fragments found at the crime site have already been sent to the Chemistry Department for testing. The results are expected to be known within two months," he said.

Last Monday, police arrested the suspect, his 54-year-old wife and two sons aged 17 and 20 at their house-cum-workshop where several murders allegedly took place.

The suspect's daughters, aged 11 and 23, have been placed under the Welfare Department's custody.

On Wednesday, about 20 small bone fragments have been recovered from the site.

Police also retrieved teeth, shoes and clothing.